

TARIKH	9 / 7 / 2015	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	22	RUANGAN	

PROGRAM JELAJAH RAKAN SEKOLAH BH-TH 2015

## Bimbing penulisan, fotografi

» Peserta bengkel diberi pendedahan awal dalam ilmu, kemahiran

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

▀ Pelabuhan Klang

**P**eserta Bengkel Kewartawanan dan Fotografi sempena program Jelajah Rakan Sekolah BH-TH 2015 di Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan (SMKP) Raja Zarina, di sini, perlu menggunakan peluang itu sebaik mungkin untuk mendalami ilmu dan kemahiran dalam bidang berkenaan.

Timbalan Pengarah Tabung Haji (TH) Selangor, Khairoddin Ahmad, berkata selepas mendapat pendedahan mengenai bidang kewartawanan, pelajar seharusnya menjadi lebih bertanggungjawab dalam menyampaikan maklumat yang diperolehi, terutama melalui media sosial.

### Pendedahan awal

Beliau berkata, pelajar juga perlu tahu menggunakan bahasa yang betul dan sopan dalam menyampaikan maklumat supaya tidak menyinggung mana-mana pihak.

"Saya juga berharap program ini dimanfaatkan sebaik mungkin oleh pelajar dengan



Khairoddin (dua dari kiri) dan Lasiah (kiri) bersama pelajar pada Program Jelajah Rakan Sekolah Berita Harian-Tabung Haji di SMKP Raja Zarina, semalam. (FOTO FAIZ ANUAR/BH)

segera bertanya, tidak kiralah melalui bengkel atau sesi motivasi, jika ada perkara yang tidak difahami," katanya berucap merasmikan Program Jelajah Rakan Sekolah BH-TH 2015 di sekolah berkenaan, semalam.

Yang turut hadir, Pengetua SMKP Raja Zarina, Lasiah Yeop Tasin; Pengarang Pendidikan BH, Fadzlina Jafar; Eksekutif Pemasaran TH Kelana Jaya, Azham Harun dan Pengarang Berita Pendidikan BH, Ridzuan Yop.

Sementara itu, Lasiah berkata, pihak sekolah sangat berbesar hati kerana dipilih sebagai tuan rumah program anjuran BH dengan kerjasama TH itu, sekali gus memberi peluang pelajar mendapat pendedahan mengenai bidang

kewartawanan dan fotografi.

"Pelajar sekolah ini adalah pelanggan setia BH. Pihak sekolah memang melanggan akhbar ini dan sering menggunakan sisipan pendidikan, iaitu *Minda* dan *Skor* sebagai rujukan dan membuat persediaan untuk peperiksaan setiap tahun.

### Ambil peluang

"Melalui program ini juga, saya berharap pelajar mengambil peluang membuka akaun dengan TH dalam usaha memupuk amal menabung, sekali gus membuat persediaan kewangan supaya dapat mengerjakan ibadat haji pada usia muda," katanya.

Rakan Sekolah BH-TH 2015 bertujuan mempromosi Kelab TaHa kepada pelajar sekolah

menengah, selain menjayakan penubuhan Kelab Kewartawanan dan Fotografi di sekolah.

Program semalam turut dimeriahan dengan ceramah motivasi 'Menggapai Aspirasi' oleh pakar motivasi, Rozi Saari serta penerangan mengenai amal menabung, Kelab TaHa dan produk TH, selain bengkel kewartawanan dan fotografi yang dikendalikan oleh Fadzlina.

SMKP Raja Zarina adalah lokasi keempat siri jelajah yang julung kali diadakan itu selepas SMK Taman Desa, Kuala Lumpur; Kolej Vokasional, Sepang dan SMK Bukit Jelutong di Shah Alam, Selangor. Program menjelajah ke 20 sekolah ini akan berakhir September ini.